

# Perjumpaan khas dengan semua EXCO

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, Mohamad akan mengadakan perjumpaan khas dengan semua Exco Kerajaan Negeri, peringkat demi peringkat, bagi menerangkan "apa yang mereka boleh buat dan apa yang tidak boleh mereka buat".

Perjumpaan itu juga bagi menjelaskan beberapa garis panduan perkhidmatan, terutama kepada ahli-ahli Exco yang baru dilantik, supaya perhubungan antara Kerajaan Pusat dengan Negeri dapat diselaraskan.

"Saya juga akan menekankan betapa pentingnya langkah-langkah mengiytharkan harta semua ahli Exco dalam perjumpaan itu nanti," ujar Datuk Seri Dr. Mahathir.

Berarak kepada para pemberita selepas mesyuarat pertama Majlis Tertinggi UMNO (selepas pilihanraya) di Ibu pejabat UMNO Perdana Menteri berkata, "Kesemua perjumpaan itu akan diadakan di Kuala Lumpur, dimulai dengan Exco Negeri Perak pada hari Isnin depan".

Langkah Perdana Menteri itu sejajar dengan matlamat Kerajaan Barisan Nasional untuk memastikan wujudnya kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Perdana Menteri menyatakan peri mustahaknya pengiytharan harta dibuat setahun sekali kerana ini dapat mengelakkan pengiytharan berganda.

Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang berlangsung lebih tiga jam, menetapkan tarikh baru Perhimpunan Agung UMNO pada 10 hingga 12 September depan.

Pemilihan Exco Pemuda dan Wanita UMNO akan diadakan sehari

Oleh  
**AHMAD NAZRI ABDULLAH**

sebelum perhimpunan agung.

Mesyuarat hari ini juga membincangkan beberapa perkara berkaitan dengan pilihanraya.

Pengarah Pilihanraya Negeri yang hadir di mesyuarat itu telah membentangkan laporan masing-masing dan akan diikuti dengan laporan bertulis yang lebih lengkap.

Menurut Perdana Menteri, beberapa gagasan akan diujarkan kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya umpamanya masalah askar Wataniah yang tidak dapat mengundi secara pos dan masalah keclitran nama pengundi-pengundi.

"Askar Wataniah tidak boleh mengundi kerana kad pengenalan mereka telah ditukar dengan kad pengenalan tentera.

"Begitu juga beberapa nama pengundi yang tersilang di daftar pengundi yang dihantar kepada parti tetapi tidak tercatat di daftar pengundi yang dipegang oleh pegawai pilihanraya," katanya.

Kesemua masalah ini akan disenaraikan selepas laporan lengkap diterima dan kemudiannya diujarkan kepada pihak berkenaan.

Mengenal tindakan tatatertib terhadap ahli-ahli UMNO yang menyokong calon pembangkang, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan langkah memecat mereka tetap diambil.

"Pemecatan boleh dibuat oleh UMNO Negeri dan pongsahannya dibuat oleh Majlis Tertinggi UMNO.

"Jawatankuasa Tatatertib akan meneliti semua nama-nama yang disenaraikan oleh UMNO Negeri sebelum pemecatan disahkan oleh Majlis Tertinggi," tambah beliau.